

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**LAPORAN PROSIDING**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI  
PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT**

**DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2**

**PADA HARI KHAMIS, 3 MEI 2012**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA II, PARLIMEN MALAYSIA**

**KHAMIS, 3 MEI 2012**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

***Hadir:***

YB. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin  
[Menteri Pengajian Tinggi] - *Pengerusi*

YB. Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]

YB. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]

YB. Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]

YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]

YB. Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]

YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)]

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]

Encik Mohd Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]

Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]

Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

**Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)**

Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz [Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang)]

Encik Mohamad Onn bin Abd. Aziz [Penasihat Undang-undang]

Encik Raja Adnan bin Raja Ibrahim [Ketua Penolong Setiausaha  
(Bahagian Perancangan dan Penyelidikan)]

*(samb/-)*

**HADIR BERSAMA** (samb/-)**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [MOSTI]**

Encik Abang Othman bin Abang Yusof [Timbalan Setiausaha Bahagian Industri]

**Lembaga Perlesenan Tenaga Atom [AELB]**

YBhg. YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan [Ketua Pengarah  
(Lembaga Perlesenan Tenaga Atom)]

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah [Pegawai Khas Ketua Pengarah  
(Lembaga Perlesenan Tenaga Atom)]

Encik Hasmadi bin Hassan [Pengarah Perlesenan Tenaga Atom]

Puan Monalija Kostor [Timbalan Pengarah Dasar, Kod dan Standard]

Dr. Teng Iyu Lin [Ketua Penolong Pengarah]

Tuan Haji Ahmad bin Abu Bakar [Ketua Penolong Pengarah]

Puan Suhana Jalil [Penolong Pengarah]

Puan Hajah Noraishah Pungut [Timbalan Pengarah Penguatkuasaan]

YM. Raja Mohd Hairi Shanaz Raja Sharin [Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal]

Cik Nazuha binti Mohd Jai [Pegawai Undang-undang  
(Lembaga Perlesenan Tenaga Atom)]

Encik Hamrah bin Mohd Ali [Pengarah Penguatkuasaan]

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)**

YBhg. Dato' Abd. Majid bin Kutiran [Pengarah Kanan (Bahagian Dasar Sektor dan  
Hal Ehwal Pelaburan)]

Cik Nurshahirah binti Mohd Hadzir [Penolong Pengarah (Bahagian Dasar Sektor II)]

**Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)**

YBhg. Dato' Azman Mahmud [Timbalan Ketua Eksekutif]

Puan Kang Lay Kim [Pengarah Kanan]

Yeoh Hock Eng [Pengarah]

Chai Siew Foon [Pengarah]

Normi Alias [Timbalan Pengarah]

Masni Muhammad [Timbalan Pengarah]

**Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar**

Puan Halimah Hassan [Ketua Pengarah Alam Sekitar]

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim [Pengarah  
(Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang)]

Puan Norlin binti Jaafar [Pengarah Bahagian Penilaian (Jabatan Alam Sekitar)]

Dr. Tan Beng Hoe [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan  
Perubahan Iklim, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar)]

Puan Norhayati binti Mohamad Yusof [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penilaian  
(Jabatan Alam Sekitar)]

Puan Rohimah Ayub [Ketua Penolong Pengarah (Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang)]

Puan Nur Syuhaida Mohd Shamsudin [Penolong Pengarah Bahagian Penilaian  
(Jabatan Alam Sekitar)]

(samb/-)

**HADIR BERSAMA** *(samb/-)***Kementerian Kesihatan**

Dr. Chong Chee Keong [Pengarah Kawalan Penyakit]

Dr. Gerard Lim Chin Chye [Ketua Jabatan Radioterapi dan Onkologi  
(Hospital Kuala Lumpur)]

Dr. Daud bin Abdul Rahim [Ketua Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar]

Dr. Ahmad Riadz bin Mazeli [Ketua Penolong Pengarah Kanan]

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Encik Tan Lai Seng [Timbalan Ketua Pengarah]

**Majlis Perbandaran Kuantan**

Puan Hajah Hamiza binti Hamzah [Pengarah]

Encik Mohd. Nor bin Annuar [Penolong Pegawai Perancang Bandar]

Encik Wan Ismail bin Haji Wan Muda [Ketua Bahagian Bangunan]

**Kementerian Sumber Manusia**

Encik Abdul Aziz bin Yahya [Pengarah Bahagian Keselamatan Industri]

Encik Ahmad Fauzi bin Awang [Pengarah Jabatan Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerjaan Pahang]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa II, Parlimen Malaysia****KHAMIS, 3 Mei 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.35 pagi.**

---

[Yang Berhormat Dato' Seri Khaled bin Nordin *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Projek *Lynas Advanced Material Plant*, Dewan Rakyat, Parlimen Kedua Belas. Yang Berbahagia Datuk Roosme, Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas. Wakil-wakil daripada kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan, pegawai-pegawai Parlimen, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertamanya, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua dan mengucapkan berbanyak terima kasih kerana kita dapat bersama hadir untuk kita menjayakan mesyuarat kita pada hari ini, iaitu mesyuarat bagi kali yang kedua di mana agendanya ialah kita akan mendengar taklimat daripada beberapa kementerian dan agensi yang terlibat dalam projek ini.

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, pada mesyuarat kita yang pertama tempoh hari, kita telah membincangkan dan memperhalusi terma rujukan serta perancangan perjalanan jawatankuasa kita sehingga bulan Jun 2012. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini sebagai satu peringatan ataupun *refreshing our memory*, adalah diwujudkan hasil daripada reaksi negatif di kalangan sebahagian rakyat berkaitan projek ini, khususnya dari segi pengurusan sisa radioaktif yang didakwa memberi risiko terhadap tahap kesihatan dan juga keselamatan awam.

Kerajaan bersetuju untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas ini bagi tujuan untuk kita antara lain meredakan kebimbangan ataupun memenangi kepercayaan rakyat terhadap projek ini, lebih-lebih lagi untuk menangani perasaan cemas ataupun apa yang kita panggil fobia radioaktif di kalangan masyarakat awam. Maka, Jawatankuasa telah bersetuju untuk dalam kita mengambil pendekatan menggerakkan Jawatankuasa ini, melihat dan meneliti isu-isu keselamatan, kesihatan dan alam sekitar berhubung projek-projek ini. Ini merujuk kepada semua perkara-perkara yang akan dibangkitkan oleh pihak awam, masyarakat dan orang ramai.

Seterusnya, pada masa yang sama kita perlu meneliti proses dan pelaksanaan prosedur pelesenan dan kelulusan berdasarkan peruntukan undang-undang.

Kita juga akan melihat kepada standard keselamatan yang sedang berkuat kuasa. Jadi, pada hari ini Jawatankuasa akan bermesyuarat mendengar taklimat yang akan disampaikan oleh agensi-agensi utama seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Manusia, khususnya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

■0940

Kita cuba habiskan dalam sehari ini kerana tempoh masa Jawatankuasa ini pun tiga bulan dan kita tinggal hanya beberapa bulan sahaja, tidak sampai dua bulan, kita habis tempoh pada bulan Jun iaitu bulan depan. *So, this committee is about to find the truth, it is not about trying to strike a balance*, tidak seperti *committee* lain. Jadi, atas sebab itulah saya ingat apabila pihak lain seperti pembangkang tidak menyertainya ia satu kerugian kerana ia berbeza dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya. *That one* banyak untuk *strike a balance, to strike a deal*, yang ini *to find what is the truth*.

Jadi, di atas sebab itulah amat menghairankan apabila mereka tidak mahu bersama seolah-olah mereka tidak mahu tahu apakah kebenaran, apakah kenyataan dalam soal ini. Saya tidak berhasrat untuk bercakap panjang, kita terus dengan menjemput, kalau ada apa-apa Setiausaha, sebelum kita terus jemput taklimat yang akan diberikan oleh kementerian yang telah pun kita susun. *Is there anything you want to say?*

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]:** Saya hendak *highlight* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pada 7 Mei ada satu *international conference*, ada beberapa ahli yang dapat hadir dan boleh beri nama kepada kita supaya kita boleh maklumkan kepada pihak penganjur.

Pada 9 Mei juga ada satu program di IDFR, berkenaan dengan *rare earth* juga dan yang paling penting ialah pada 9 Mei pada hari Rabu itu pada pukul 4.30 petang, akan ada perjumpaan dengan pakar-pakar nadir bumi.

Tuan Pengerusi, itu sahaja. Dan juga persediaan kita untuk lawatan ke Lynas pada 10 dan 11 Mei. Kita perlu ingat, lawatan kita ialah pada 9.30 pagi, kita punya *public hearing* adalah pada jam 2.30 petang pada hari yang sama, dan diikuti dengan sesi pendengaran awam pada keesokannya harinya juga.

Saya telah dapat menghantar beberapa orang pegawai untuk ke UMP bagi mendapatkan bantuan dari segi logistik, keselamatan dan saya difahamkan cancellor dan naib cancellor juga mungkin hendak menyertai jika mendapat kebenaran daripada Tuan Pengerusi.

Jadi, untuk makluman pegawai-pegawai sekalian, saya juga telah menghantar semua perkara ini untuk dimaklumkan kepada pihak awam melalui iklan-iklan dan dalam sehari dua ini akan keluar di dalam hebahan dalam radio dan juga dalam TV melalui *crawler* Tuan Pengerusi.

Manakala yang lain-lain itu kita hanya – kalau kementerian lain yang akan turut hadir, kita akan tinggal di Hotel Zenith di Kuantan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Di Kuantan itu, ramaikah yang sudah memaklumkan hendak datang untuk membuat *representation*?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Kita sedang dalam proses mendapatkan *input* dan kita juga mendapat kerjasama daripada MOSTI untuk mendapatkan nama-nama orang yang dahulu yang pernah hadir. *We will also send note to them whether* mereka hendak hadir sama juga pada kali ini.

**Tuan Pengerusi:** *Okay, thank you.* Sebelum itu, ada cadangan daripada beberapa pihak supaya *we also take recording* dari segi video supaya *some of this can be download*.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tuan Pengerusi ini memang dalam kita punya proses dan prosedur aturan di dewan, untuk semua PSC kita memang ambil *recording* lah bagi setiap sesi...

**Tuan Pengerusi:** Ia audiokah ataupun visual?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Visual macam ni, setiap orang yang bercakap dia akan keluar.

**Tuan Pengerusi:** Memang ada?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Semasa *public hearing* itu katakanlah Tuan Pengerusi tengah bercakap, ada beberapa orang sedang bercakap di sini yang memberikan *input*, sesiapa yang menunggu di luar, mereka juga boleh melihat...

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** *Because* salah...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Live...*

**Tuan Pengerusi:** Salah satu daripada pendekatan yang kita hendak buat ialah kita hendak *educate the public, you want to upload it in Youtube in all those thing, so* maksud saya itu. *So, we will need it because somebody – then we will have to get people to – we got to educate the public because it is about perception.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *This meeting* Yang Berhormat ataupun...

**Tuan Pengerusi:** Itu semua...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Semualah.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak tahu itu...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tidak, dari segi prosiding...

**Tuan Pengerusi:** Prosedur Parlimen...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Prosiding, usually we do it in camera. Prosiding macam this meeting in camera, in camera within us and then kita keluarkan dari segi verbatim report nantilah. Akan tetapi it is not broadcasted in the sense that it is uploaded in Youtube because at the moment apa-apa yang kita putuskan selagi belum kita bentangkan dalam Majlis its supposed to be, masih lagi belum dalam public domain lagi Tuan Pengerusi.*

**Tuan Pengerusi:** *So, maknanya kalau ia melibatkan pihak pakar semua, kita akan anggap itu sebagai public hearing then we can uploaded yang itu.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *...Maybe strike a balance, I understand what Tuan Pengerusi, saya faham apa yang dimaksudkan oleh Setiausaha. Memang sebelum kita membentangkan laporan kita kepada Majlis Parlimen, kita tidak boleh bercakap dengan press pun, itu ada dalam Standing Orders. Akan tetapi mungkin setelah kita bentangkan, kita meminta kebenaran daripada Speaker, recording ini mungkin kita boleh uploadkan ke Youtube. I think that is a another compromiselah.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *In the public hearing per selah, public hearing.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *...Or even this one, kalau Speaker beri.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *For mesyuarat-mesyuarat? Per se...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Ya.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Of course macam – apabila telah dibentangkan dan laporan itu menjadi public document then kalau recording itu insya-Allah kita bolehlah meminta kebenaran Speaker untuk bentangkan recording of it.*

**Tuan Pengerusi:** *I think for the one, the session in camera kita buat selepas kita bentang tetapi yang kita buat public hearing itu because pakar-pakar akan memberikan presentation dia dalam public hearing, yang itu kita boleh buat immediately, public hearing.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Kalau tidak pun, I think...*

**Tuan Pengerusi:** *Because you said public hearing. Ini kerana mereka pun akan buat juga.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *...Jangan kita, you know...*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Faham, I...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Cuma mereka ini fikir tentang standing order sahaja.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Ya, ya.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** *...Keterangan dia.*

**Tuan Pengerusi:** *Okey.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Because yang ini, even ini pun saya ada mendapat note daripada beberapa kementerian, some document are peringkat "Sulit" dan "Rahsia", then it is a bit difficult for the meeting per say lah.*

**Tuan Teng Boon Soon:** *Ya.*



**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Meeting are usually in camera.*

**Tuan Teng Boon Soon:** *Yes, I have a question. During the public hearing, are the outside media allowed to video record the proceeding?*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Teng Boon Soon:** *No, that is why I am worried. They are allow to come in, anything can happen – video recording is only done by official.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Yes, of course because people will misuse.*

**Tuan Teng Boon Soon:** *Ya, otherwise it can be manipulated.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Of course, they will take only portion which are positive to them, other than that they cut paste and can do many things. That means the only recording has to be from Malaysian Parliament.*

**Tuan Pengerusi:** *No, when we have public hearing kita akan ada skrin di luar, bukan?*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Ada.*

**Tuan Pengerusi:** *They will take it. So, maknanya...*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Itu dibuat secara yang kita tidak termaklumlah.*

**Tuan Pengerusi:** *Kalau kita tidak bersedia dia punya yang akan..., that is why I said kita kena...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *....Public hearing...*

**Tuan Pengerusi:** *Public hearing, better.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *...Sanction it, maknanya kita yang keluarkan, this is the official version, otherwise mereka pun ada kamera mereka...*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Hanya Tuan Pengerusi, from my past experience they are people who came, who said that they want it to be in camera. I means it is within the Members only.*

#### ■0950

*So, at that time kita tidaklah. Tidak ada recording di luar. It is just for Jawatankuasa. There are individualslah who do that. Other than that, if it is permissible, then kita memang allow the proceedings to be observed by the rest, the public who came.*

**Tuan Pengerusi:** *Okey. Tidak mengapalah. Nanti in details, I will talk to Secretariat. So, kita boleh mulakan taklimat kita dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Ia dua ataupun... Di sini ada juga Lembaga Pelesenan Tenaga Atom ataupun Lembaga Pelesenan?... Only one..., dua?.... Okey.*

*[Wakil-wakil bersama dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi masuk mengambil tempat di dalam bilik Mesyuarat]*

9.52 pg.

**Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah [Pegawai Khas Ketua Pengarah (Lembaga Pelesenan Tenaga Atom)]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *On behalf of AELB and MOSTI*, saya melalui Tuan Pengerusi ingin menjemput Pengarah Bahagian Pelesenan, Encik Hasmadi Hassan untuk menyampaikan pembentangan daripada AELB. Terima kasih.

**Encik Hasmadi bin Hassan [Pengarah Pelesenan Tenaga Atom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang saya hormati Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Boleh datang ke hadapan ini atau tidak? *Can you take the seat here.* Depan ini.

**Encik Hasmadi bin Hassan:** Terima kasih sekali lagi Tuan Pengerusi. Yang saya hormati, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang saya hormati Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tan Sri-Tan Sri, Dato' Sri-Dato' Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Pada pagi ini saya akan memberikan sedikit taklimat ringkas mengenai Projek Lynas.

*[Pembentangan berdasarkan paparan slide]*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Please introduce yourself.*

**Encik Hasmadi bin Hassan:** Okey. Saya Hasmadi bin Hassan, Pengarah Pelesenan, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan bersama saya, di sebelah saya adalah Ketua Pengarah, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom, Yang Mulia Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, sedikit untuk *highlight* projek ini, bagaimanakah Lynas boleh atau datang ke Malaysia? Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2006, projek ini telah dicadangkan kepada MITI yang mana apabila mereka bercadang, berhasrat untuk membina pemasangan pengilangan untuk memproses bahan mentah iaitu *lanthanide oxide* yang diperolehi dari Mount Weld, Western Australia.

Bahan mentah ini dipanggil lantanid oksida dan ia menghasilkan *rare earth* daripada bahan mineral *lanthanide*. Kalau kita lihat daripada segi *periodic table*, ia adalah dalam siri *lanthanide series* yang mengandungi beberapa elemen *rare earth* yang banyak digunakan untuk *green technology*. Projek ini telah dicadangkan oleh pihak MITI dan persetujuan daripada Kerajaan Negeri Pahang iaitu terletak di Kawasan Perindustrian Gebeng di Kuantan, Pahang. Secara ringkas prosesnya, dibawa bahan mentah *lanthanide* dan digunakan dalam proses menghasilkan beberapa proses. Melalui proses, ia menghasilkan tiga jenis *residue* iaitu *water leach purification* (WLP), FTD dan juga NUF. Ini adalah tiga hasil *residue* dalam bentuk *solid*...

**Tuan Pengerusi:** Tidak sebut. *How are you relate*, bagaimana boleh melibatkan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Apakah *you* punya peranan. *Then from there* baru *explain*.

**Encik Hasmadi bin Hassan:** Okey. Apabila ia menghasilkan sisa-sisa ini, ketiga-tiga sisa ini menghasilkan *amount of activity concentration* bahan radioaktif, *nature*. Ini *natural*.

Daripada tiga *pilot study* yang dikemukakan kepada kita, salah satu itu iaitu *water leach purification* ini, mengandungi 5.87 Bq/g *residue* yang mana di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom, ia dikawal. Ini kerana *limit* kita adalah 1 Bq/g. Oleh sebab itu Akta Pelesenan Tenaga Atom ini mengawal sisa, *residue* yang terhasil daripada proses Lynas ini.

Secara prinsipnya, kalau kita lihat di sini Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat yang lain, ia menghasilkan lebih kurang - *concentrate* yang digunakan ialah sebanyak 94 *metric ton* setahun dan juga bahan-bahan kimia daripada ejen yang lain. Ia menghasilkan lebih kurang a *few amount of 22 metric tonnes* setahun bagi *rare earth oxide* dan ia menghasilkan lebih kurang 300 *metric tonnes* setahun untuk *residue*. Yang lainnya akan menghasilkan dalam bentuk *waste water treatment* yang akan *discharge* pada alam sekitar.

#### ■1000

Ini adalah *rare earth* yang akan dihasilkan daripada proses ini. Kalau kita tengok LAMP *on* dan LAMP *up* ini, LAMP *up* ini adalah fasa yang kedua, LAMP *on* ini ialah fasa yang pertama apabila kita luluskan lesennya. Dari segi pembahagian bahan *rare earth* itu bertambah tetapi hasil dan juga input yang terhasil daripada proses ini adalah sama. Ini adalah produk-produk yang digunakan untuk penghasilan *rare earth* yang digunakan untuk industri-industri *green technology* seperti *auto catalyst*, *disk drive*, dalam kereta, MP3 dan juga *hibrid car* dan sebagainya.

*Next*, untuk makluman Tuan Pengerusi, pertama sekali apabila Syarikat Lynas ini datang ke Malaysia, MIDA melalui MITI telah mengeluarkan satu lesen, lesen pengilangan. Hasil daripada pengeluaran lesen oleh MIDA maka MIDA telah mendapat nasihat daripada beberapa agensi termasuk juga Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, iaitu salah satu badan pengawal ke atas Projek Lynas ini. Di samping itu juga, selain daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, beberapa agensi kerajaan iaitu Jabatan Alam Sekitar, DOSH dan juga kerajaan tempatan yang terlibat secara langsung untuk mengeluarkan lesen yang berkaitan dengan Projek Lynas Tuan Pengerusi.

Okey, bagaimanakah lesen yang dikeluarkan kepada AELB? Saya hanya tumpukan kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom sahaja Tuan Pengerusi, yang mana terlibat secara terus kita mengeluarkan lesen kepada Projek Lynas. Okey, untuk makluman Tuan Pengerusi kita ada tiga peringkat lesen. Pertama, kita panggil lesen penempatan tapak. Kedua, pembinaan. Ketiga, sekarang ini kita panggil Lesen Pengendalian Sementara atau *Temporary Operating License* (TOL). Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah keluarkan lesen. Ini adalah undang-undang di bawah Akta 304 iaitu Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 di mana kita telah kenakan pelesenan, peraturan dan juga undang-undang kepada Syarikat Lynas yang berkaitan dengan *residue* itu tadi Tuan Pengerusi.

Di bawah undang-undang Akta Pelesenan Tenaga Atom kita ada peraturan pelesenan, kita ada peraturan pengangkutan, kita ada peraturan tentang *waste management* dan juga keselamatan asas. Kebanyakan undang-undang yang kita ada ini adalah sama, yang kita *adopt* daripada Standard Agensi Tenaga Atom Antarabangsa iaitu seperti *transport regulations*, kita ada juga GSR *Part 3* dan juga tentang *safety guide* yang kita *adopt* dalam peraturan-peraturan kebangsaan. Kebanyakan peraturan-peraturan yang ada ini adalah sama dengan peraturan antarabangsa yang dikeluarkan oleh..., atau lebih ketat daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa.

Lesen yang kita keluar. Kita ada beberapa lesen yang sepatutnya kita keluar dalam mana-mana aktiviti yang *involved* di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom, kita ada 8 lesen. Akan tetapi, untuk Lynas ini kita hanya ada empat iaitu Kelas 'A', Kelas 'D', 'E' dan juga 'G', iaitu:

- Kelas 'A' ini adalah untuk bahan radioaktif;
- Untuk 'D' adalah pengangkutan;
- 'E' adalah import dan eksport;
- 'G' adalah pelupusan dan juga penstoran; dan
- penstoran juga 'G', pelupusan juga Kelas 'G'.

So, untuk makluman Tuan Pengerusi, Kelas 'A' adalah untuk pengilangan iaitu sekarang ini kita hanya mengeluarkan lesen tapak, tadi yang sebagaimana yang saya maklumkan tapak pembinaan dan pengilangan.

Kelas 'D' ini adalah untuk pengangkutan daripada pelabuhan Kuantan apabila sampainya bahan mineral itu ke kawasan industri di Gebeng. Akan tetapi, bukan Lynas yang tentukan lesen ini sebab dia sudah *engaged* konsultan syarikat lain untuk memiliki lesen Kelas 'D'. Dia tidak buatlah, dia beri kepada syarikat lain. Syarikat ini telah kita luluskanlah dan bagi lesen.

Kelas 'E' apabila dia hendak masuk import dan juga eksport, ini yang berkaitan dengan *residue* bukan kepada bahan *rare earth* itu. *Rare earth* bukan bahan radioaktif tetapi *residuenya* itu adalah mengandungi bahan semula jadi, yang itu yang kita kawal. So, kita bagi lesen Kelas 'E'.

Kelas 'G', memandangkan apabila dia memproses, dia akan menghasilkan *residue* sebelum ia *commercialize* dan sebagainya, so kita bagi lesen Kelas 'G' untuk stor.

Jadi di kawasan dia itu, ada kawasan penstoran, jadi kita kena *evaluate* dia punya tapak, *storage* dan sebagainya, *design* semuanya kita sudah luluskanlah.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *maybe* untuk kebaikan semua. Pertama, tidak semua yang dekat sini ada latar belakang teknikal. So, *do not assume that...-just like that* kita akan faham. So, atas sebab itulah kita *we will interject* dan saya berharap juga semua Ahli Jawatankuasa secara umum termasuk Yang Berhormat, kita boleh *interject* dan soal. Jadi itu sebab soalan saya yang pertama, *how come or* macam mana *it can come under your jurisdiction, to be very clearly?*

Mengapa perlu *you talk about residue and we talk about the content* tadi. So, to be very clear, how come you are involved? Macam itu.

Then, apa asas yang digunakan *that you are satisfied, that you give them the license*. Jadi, semua mungkin *from time-to-time*, kita akan *interject because* kita perlu faham. Kemudian, *this Committee* juga perlu bentang kepada orang ramai yang mereka juga perlu faham *rather than* kita ini terperangkap dalam *all the technical, jargon and all these thing*.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Tuan Pengerusi, *can I just add on? Perhaps I don't know whether it is suppose to be directed to you* yang very basic question that people have been asking even until last night - why Malaysia? Why Australia tidak hendak? I mean, we know we have been given some information but perhaps we want to take note this time. Kenapa Australia sendiri tidak hendak ambil itu or perhaps they can suggest to Malaysia you can invest in Australia. Now why it is so?

Then another thing that since we are already interjecting, because as Tuan Pengerusi said we have to be very..., we have to be able to understand the people sentiment jawab dengan cara very layman. Kita boleh jawab cara kita, I mean in very professional way tetapi I rasa we have to learn to explain to the people because now our weakness is on explaining to the people, cara dia. Why they choose Malaysia and then why Malaysia is so eager to takes this up? Perhaps that is the first one lah. Thank you.

**Tuan Pengerusi:**...Anybody to answer, kalau tidak, tak mengapalah tetapi yang lain-lain boleh jawab.

**Tuan Teng Boon Soon:** Tuan Pengerusi, allow me to raise another question which I had come across. Itu dia kata di Australia, the way they are treating their waste is by a evaporating the water because the water is one of the medium. Dia boleh... dan mencemarkan alam sekitar. Dia kata di Australia, dia evaporate the water and the residues in the dry form, will be exported back..., for barrier. So, I also like to know, why this is not mentioned in the all discourse in treating the waste in Malaysia?

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** Tuan Pengerusi, saya hendak jawab your question and answer the other question sekali. Why we control? Sebenarnya kita ada legasi ARE sebenarnya. Di Australia umpamanya, naturally occurring radioisotope ini, walaupun dia mempunyai mining, dia tidak kawal seketat kita, because of ARE kita sudah set one Becquerel. We are one of two countries sahaja yang mengawal naturally occurring radioactivity. Jadi Yang Berhormat kata tadi di Australia, dia salurkan sahaja keluar dan dibiar evaporate, dibuang macam itu sahaja.

Di Malaysia kita tidak boleh buat macam itu oleh sebab ARE kerana ada fear, ada ketakutan orang dan sebagainya...

**Tuan Teng Boon Soon:** Izin saya celah sekejap. Dia bukan buang begitu sahaja.

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** Tidak, tidak.

**Tuan Teng Boon Soon:** Dia akan bawa balik ke tempat asal.

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** Bukan. Sebenarnya kalau kira saya, dia buang. Dia buang keluar, *unregulated* orang kata. Dia buang pada tempat asal itu sebabnya ada lubang, sudah dibuatnya lubang. Jadi senang hendak dimasukkan balik di dalam lubang. Akan tetapi, *to me* dia buang *unregulated*. Tidak di kawal tetapi di Malaysia ia dikawal. Oleh sebab ARE dan *we set one Becquerel* per gram, dia punya *target*...

**Tuan Teng Boon Soon:** *What ever above one Becquerel*...

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** ...*What ever above one Becquerel* tidak boleh. Di Australia, lebih daripada..., saya rasa kalau *one Becquerel* ini *thorium content* tetapi kalau kira *total radioactivity, it is about 30* hingga *40 Becquerel per gram*. Di Australia, lebih daripada *75 Becquerel*, kurang daripada *75*, dia boleh buang di luar.

**Tuan Teng Boon Soon:** 75?

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** Ya 75. *Depending on the statelah*. Kita *actually* kalau total *about 30 Becquerel per gram*. Jadi, dua kali ganda dia boleh sebabnya Australia ini dia pengeluar uranium, pertama. Keduanya, dia banyak *mining invest*... Dia memang banyak *thorium and uranium*. Jadi, kalau dia hendak kawal, dia memang susah hendak kawal.

**Tuan Liang Teck Meng:** Saya hendak tanya.

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** Ini yang, *the most important to answer why we actually* kawal *this thing, unlike* Australia itu tidak kawal, dia punya *threshold* itu tinggi lagi.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** *So, the residue* yang tadi kita tengok *slide* ya, ada tiga jenis bukan? *It means two are actually can be just dispose*...

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** ...Kurang daripada satu *Becquerel per gram thorium*.

**Tuan Liang Teck Meng:** *Our authority*...

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** WLP sahaja 6 *Becquerel*.

**Tuan Liang Teck Meng:** *So, it is only* WLP?

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** Ya. WLP itu yang masalah.

**Tuan Liang Teck Meng:** Okey, berapa *Becquerel is harmful to human being*?

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** Sebenarnya kalau ikut *International Atomic Energy Agency*, tidak ada *threshold* sebenarnya *for naturally occurring radioactivity*.

**Tuan Liang Teck Meng:** *Like in Japan*.

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** *Like in Japan*.

**Tuan Liang Teck Meng:** *Like in Japan, now* semua...

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** Yang *in Japan, it is not naturally occurring radioactivity. It is made in the reactor*.

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Boleh *explain* tidak, *naturally occurring radioactive activity*. So, kita *understand*, apa yang *natural occurringnya*. So, *that* orang faham...

■1010

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Di dalam alam kita ini...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** ...Ada aktiviti lain.

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Di dalam alam kita ini Yang Berhormat...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Then you use that word, natural.*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Di dalam alam kita...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Lynas ini, is that the natural case?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Yes. Di dalam alam kita sendiri, kita mempunyai *radio activity, thorium, uranium* dan sebagainya...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**YM. Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan:** Lebih kurang.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Aktiviti dalam tabie.

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Ya, dalam tabie. So, yang *unnatural* ini bila dia buat *fission product* dalam reaktor benda yang tidak ada. Umpamanya, *moly 99* adalah satu *radio nuclex* yang Tuhan tidak cipta. Ia memang tidak ada *naturally, moly 99*. Boleh buat dalam reaktor sahaja. Yang ini *between naturally occurring and non naturally occurring*. Akan tetapi bila di - *natural thorium, thorium* punya *radio nuclex*...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Kita tidak tahu apa *thorium* tu...

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Thorium* kalau..., bukan. Kita punya mentol, *bulb gasoline* itu...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Okey.

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Okey, mentol, *bulb gasoline* itu sebenarnya dicelup dengan *thorium* dan oleh sebab...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Mentol, *bulb* itu?

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Ya. Oleh kerana *thorium* itu, itu yang ia *glow in the dark* itu. Ada lampu *Mercedes* yang putih..., itu adalah *thorium lights*.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *That is thorium lights.*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Putih dia itu semacam. *That is thorium. That is radioactive.* Gas mentol itu, mentol *gasoline* itu adalah radioaktif.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Macam kain putih itu?

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Lebih radioaktif daripada *Lynas* punya ini.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Kan senang cerita macam itu.

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Ya... *[Ketawa]* Lebih radioaktif daripada itu.

**Tuan Teng Boon Soon:** Tuan Pengerusi.

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Jadi, kalau tuan-tuan ingat, kalau siapa yang pernah bekerja, kita buang sahaja mentol itu oleh kerana ia *natural*. *So, this is naturally occurring radioactivity.*

**Tuan Pengerusi:** *So, you were saying* kalau *natural*, ia memang tidak ada letak...?

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *We do not put a threshold.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *But, we regulate.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *...Not like in Australia, it is not regulated?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *It is regulated in a sense* tidak adalah, jangan pekat benar. Akan tetapi dia *take*, dia tengok...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Dia letakkan balik ke dalam tempat *mining* itu, dia tutup balik sebab dia ambil daripada situ, dia pulangkan di situ.

**Tuan Liang Teck Meng:** *What is that international standard?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Tidak ada.

**Tuan Liang Teck Meng:** Tidak ada.

**Tuan Teng Boon Soon:** *But...*

**Tuan Liang Teck Meng:** *But then, why we make it ourselves so ketat?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Oleh sebabnya kita ada ARE.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *...Which is the other country?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** India. Oleh sebabnya India dia *control thorium* itu sebagai satu *resource material*. Dia tidak mahu orang buang *thorium* itu. *It is actually a fuel material. Beside selenium, dia pakai...*

**Tuan Teng Boon Soon:** Tuan Pengerusi, sebenarnya soalan saya *only 50%*. *Another 50% related is a* tentang *treatment of wastes in Australia*. Mereka kata, dengan cara *evaporating the water*, itu air tidak mencemarkan. Bukan sahaja *wastes* itu, air yang ada *radioactive element* itu tidak cemarkan alam sekitar. Akan tetapi di Malaysia, kalau kita tidak gunakan kaedah itu, air kita mengalir ke laut. *So, the South China Sea will be contaminated. In water, not only the wastes in solid form. It is half of another question related.*

**Seorang Ahli:** *Is that true..., is that true?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Thorium* ini...

**Seorang Ahli:** *Thorium.*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *For thorium*, yang kita takut ini *thorium* dalam WLP ini. *Thorium* ini ia pelik sedikit Yang Berhormat, di mana *we have characterized it. First, it is not soluble in water. It is not soluble in water. I will proved you.*



Masa dekat ARE punya *plant* dulu itu, *there was a lot of contaminations*. Memang betul, *there were a lot of contaminations*. ARE tidak ambil kira mana dia simpan benda itu. Akan tetapi apabila kita memulihkan balik loji ARE ini, kita dapati *thorium* ini ia kalah dengan tanah liat. Bila ia jumpa tanah liat, ia akan melekat. Ia tidak boleh, ia tidak akan lari daripada situ. Jadi, *what we did was*, bila kita pulihkan *the old* loji of ARE itu, kita *remove only two meters of the* tanah. *You would not see it going everywhere*. Tempat lain itu *natural*. Akan tetapi yang dekat tempat itu memang ia *quite high*. So, itu yang nanti kita ada gambar nanti kita letakkan *about two meters of the soil* itu semua ke dalam *repository which I will show later on*. Akan tetapi *that is the characteristic of thorium. Thorium is not soluble in water. When it meets* tanah liat, *it will stick to* tanah liat. Itu yang nanti *you will see the design of the repository*, dekat bawah itu dia akan letak tanah liat. Kalau bocor, tanah liat itu akan tumpang... [Disampuk] No, dia macam meresap benda itu.

**Tuan Teng Boon Soon:** Dia macam magnet.

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Jadi, macam magnet. Jadi, mereka ini memang *study* benda ini, *how to control this. We also look at them, how they control this. To make sure that* kalau ada kebocoran, macam mana, *what are the measures?* Akan tetapi jadi tidak sampai ke...

**Tuan Teng Boon Soon:** Laut. Sungguhpun air itu mengalir ke laut, ia...

**YM. Dato' Raja Abdul Aziz bin Raja Adnan:** Tambah lagi Yang Berhormat, air yang keluar ke sungai itu ada dua. *We will show*, ada dua ini. Keluar ke dalam sungai itu kita *monitor*. Kita *monitor* sebelum dibuang ke laut. So, *you will see the* kawalan yang dikenakan kepada Lynas untuk menjaga keselamatan, yang apa Yang Berhormat cakap tadi. Satu, ia tidak larut dalam air. Keduanya, kita kawal dia lebih daripada itu.

**Tuan Teng Boon Soon:** Ya Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya melihat perkara ini dari kaca mata *layman public, because we are dealing with layman public. We are not dealing with scientists. So, I think the way we are explaining the whole affair should be in the layman terms, so that the public understand what we say.*

*There is no use for calculating how many units of radioactivity. They would not understand. I think the layman view is very important. Layman, their perception, misperception is the public has been misled already, has been already misled. I think our main job is to make them understand.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *No, just want to show you... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Untuk tunjukkan masalah Lynas ini, *is a drawing, is a simple drawing and they can create a lot of havoc coming back to* Yang Berhormat punya cakap tadi itu. So, *in a way I think that he is right.* Sekarang ini cara kita menjawab. Itu yang mungkin satu aspek yang kita kena tengok dalam proses Jawatankuasa ini. Okey, tidak apa.

**Encik Hasmadi bin Hassan:** *Thank you* Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, *just* hendak beritahu tentang keterangan jenis lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Pertama, Kelas 'A' Pengilangan yang saya maklum tadi iaitu penempatan tapak dan juga fasa-fasa pembinaan. Sebelum ia *operate*, ia dapatkan tanah. Kita bagi lesen tapak dan juga pembinaan. *This is stipulated in the regulation, in our laws...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *We will inform* tetapi ini bukan tugas kami Yang Berhormat. Akan tetapi *we will inform that they at first applied to China. Australia, China dan juga UAE juga. All of them they kata, they jaga. Akan tetapi the reason why we licensed them is because we would like to ensure safety of all the people of Malaysia. We do not asked why they come here. When they have been given...*

**Tuan Pengerusi:** Kita tanya MITI nanti. Itu kemudianlah, kemudian. Bila MITI itu...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *No, China did not reject, as I was informed.*

**Tuan Pengerusi:** *Not to be reasonable to them. They cannot answer that question.*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *I cannot answer.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Kemudian la nanti. Masa MITI *present* nanti.

**Dato' Abd. Majid bin Kutiran [Pengarah Kanan, Bahagian Dasar Sektor dan Hal Ehwal Pelaburan (MITI)]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya daripada MITI, Dato' Abd. Majid. Seperti yang disebut oleh Dato' Raja Abdul Aziz tadi, kita pun dimaklumkan bahawa pihak Lynas ada memohon di China, di UAE dan juga di Malaysia. *That is the area that dia proposed to have* dia punya projeklah.

#### ■1020

Walau bagaimanapun, di tiga-tiga negara itu tidak ada pun disebut diluluskan ataupun ditolak dan mungkin ini kita boleh nanti..., bila sudah pergi ke Lynas, kita *confirm* dengan Lynas lah. Akan tetapi di Malaysia ini, *reason because of* kita punya *infrastructure and at the same time* memang kita *encourage the industry*, yang *strategidah*. *This* industri, nadir bumi kita *consider* sebagai strategi yang strategik... *[Disampuk]* Nanti Dato...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** ...Tidak, masa hendak proses kelulusan itu, *you do not even bother to check why UAE rejected, China rejectedkah, or why...*

**Dato' Abd. Majid bin Kutiran:** *No, at that time, maybe we do not have the information that they are...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Why do not ask?*

**Dato' Abd. Majid bin Kutiran:** *Maybe* melalui MIDA kita akan *go through* dia punya proses, macam mana lesen itu dikeluarkan.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Ini *problem* kita sekarang. Kita kena jawab kenapa mereka tidak pergi ke...

**Tuan Pengerusi:** *We will give more time when they...* Kalau tidak nanti kita habis. Kita tidak habis ini, kita kata. *So, let's concentrate on* tenaga.

**Encik Hasmadi bin Hassan:** Okey Tuan Pengerusi. Okey, lesen Kelas 'A' kita sudah bagi bermula pada tahun 2007 lagi selepas itu dia *renew*, ada masalah-masalah *financial*, so dia tidak dapat bermula pada 2007 dan kita *renew* dia punya lesen sehingga 2009 dan terus sampai sekaranglah. Kita juga bagi Kelas 'A' pengilangan untuk *temporary operating license*, telah diluluskan oleh Lembaga, tetapi kita belum lagi keluarkan lesen ini.

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *I just wanted to add* kenapa kita keluarkan tapak dan *construction*? Sebenarnya dia bukan *identified* tapak sahaja, kita suruh dia dapatkan data-data *background* supaya apabila perkilangan dijalankan, kita boleh dapat *compare a based line data* dengan..., *and then they must keep to the based line data*. Itu yang kita keluarkan lesen, yang pertama Yang Berhormat.

**Encik Hasmadi bin Hassan:** Okey, *next*. Lesen Kelas 'D' dimohon oleh *Freight Management* untuk mengangkut bahan mineral daripada *airport* ke kawasan projek Lynas di Gebeng.

Kelas 'E' juga kita sudah luluskan untuk import tetapi kita belum *issue* lagi lesennya dan juga selepas lesen ini, dia kena mohon peritlah untuk bawa masuk bahan mineral dan juga Kelas 'G' untuk *storage residue* untuk sementara di tapak.

Okey, ini adalah syarat-syarat yang kita keluarkan. Kita ada tiga fasa iaitu penempatan tapak, pembinaan dan juga operasi.

Okey, untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Dato' Ketua Pengarah saya tadi bahawa, kita melakukan pensampelan. Sebelum projek ini mula beroperasi, kita sudah buat *background study* untuk mengetahui, berapakah sinaran latar belakang? Sinaran latar belakang ini adalah semula jadi...  
[Disampuk]

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Datuk, Datuk sekejap. Minta maaf Tuan Pengerusi. Saya ingat kalau relevan Yang Berhormat Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad Ahli Parlimen Johor Bahru, dia *mentioned* dalam Dewan semasa bahan ini dibawa keluar dari Australia, di port, ia tidak *classified* sebagai bahan radioaktif, dan ia akan singgah Singapura, juga tidak *classified* sebagai bahan radioaktif tetapi di sini *classified* sebagai radioaktif, bolehkah?

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Di sini Yang Berhormat, saya ingin menekankan kita punya kawalan adalah lebih ketat daripada kawalan antarabangsa.

Antarabangsa mengesyorkan supaya *naturally occurring radioactivity* yang di dalam bijih ini tidak *classified* sebagai bahan radioaktif, tetapi di Malaysia, kita *classified* kerana ia mempunyai keradioaktifan oleh kerana ARE tadi. Jadi, kita hendak tahu di mana ia diletak dan di mana ia akan disimpan, jadi kita kawal. *This is where the difference is. In fact* kita memang sedar bahawa kita ini lebih daripada syor antarabangsa dan label yang diletak itu, *is a label transport index zero*. Maknanya, ini mempunyai keradioaktifan yang semula jadi. Orang lain sudah tidak pakai benda itu. Jadi, kita belum lagi *update* kita punya *regulation*. *So, this is where we are much more strict than international standards.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *But, that is why the problem started because you classified it as radioactive. Australia tidak classified, Singapore tidak classified, but in Malaysia you classified as radioactive. Jadilah radioactive phobia.*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *It is not classification as radioactive, the label transport zero itu is ores containing natural radioactivity. Dia ada...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Under regulated?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *It must be regulated.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Under our ARE?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Yes, under our akta. Jadi kita... Kalau kita tidak label benda itu bahan radioaktif tetapi mempunyai keradioaktifan natural...*

**Tuan Teng Boon Soon:** *We acknowledge...*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *...We acknowledge. Sebabnya kita, we are very careful with that.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *From the Asian Rare Earth di Bukit Merah... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Ya, we are very careful.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *ARE di Bukit Merah.*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Bukan bahan radioaktif tetapi mempunyai bahan radioaktif yang semula jadi.*

**Tuan Pengerusi:** *Maknanya, berbanding dengan negara lain dan international standard, kita punya standard lagi tinggi.*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Ia lebih kawal..*

**Tuan Pengerusi:** *Sebab berasaskan apa-apa radioaktif yang occur naturally, kita mengawal.*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Boleh saya. *I think just to give certain maklumat dengan apa yang didiscusskan tadi. For your information, dalam dunia sekarang ada 35 projek rare earth yang sedang diusahakan oleh 13 buah negara, oleh 33 syarikat. This is official yang ini ya...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Di mana itu?

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Negara termasuk Australia tadi, *Canada, US.* Jadi kita kata Lynas ini, *it is not unique.* Oleh sebab itu, kalau kita baca dalam *report IAEA* tadi, *I think satu report yang saya hendak tekankan tadi, ramai orang tidak tengok the positif apa yang ditulis oleh IAEA. If you read IAEA very carefully, dia beritahu terang-terang dalam itu, Lynas is not unique because projek yang Lynas similar, apa kata orang, projek ini bukan projek yang unik ya. Mengenai rare earth ini macam kita katakan tadi, ada 35 projek sedang berjalan. In fact, di Australia yang Whyalla tadi, dia punya uranium dan thorium dia lebih tinggi daripada apa yang ada di Mount Weld. Itu memang ada, kita ada data yang itu.*

Bulan lepas saya berada di *Beijing*, saya *discussed* dengan *Chinese Rare Earth Society.* Kita tahu kenapa China bagi lesen kepada Australia daripada Lynas tetapi Lynas tidak beroperasi disebabkan mereka bagi kuota kepada Lynas. *If produces* katakan 11,000 *metric ton, if you want to export, you* tidak boleh. Kita ada had dia. So, mana-mana syarikat yang kalau *you* buat kilang *and then you* tidak dibenarkan eksport. Oleh sebab *they want to stabilize the price. All these information* Tuan Pengerusi ada dalam tiga laporan oleh *Senate America* sudah buat laporan tahun 2011. Kita tengok dalam laporan *House of Parliament UK* pun sudah buat laporan *on the rare earth because it is a very strategic.*

Kenapa Malaysia dipilih? Saya rasa, *I think* kalau *those* yang pernah buat kilang atau *those* yang pernah hendak melabur di sini, saya pernah buat dua kilang di Malaysia. *I was engaged by the American company before I* pernah bekerja.

Bila kita tengok negara-negara, bila kita buat keputusan ada beberapa perkara, bukan sahaja ekonomi. *We are talking about political stability. Economy is very important. Why Lynas tidak buat di Australia? Oleh sebab kos hendak buat kilang di Malaysia dan juga to operate is a four times lower than the Australia...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Where to get that information?*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** *Information ini kita dapat banyak.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tidak yang empat kali ganda.

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Empat kali ganda itu kita dapat satu daripada Lynas itself. *In fact saya mengajar plant design chemical engineering, saya mengajar student saya how you build the plant? What factor you are affecting the investment decision? So you have to know all these. Bila kita ada information ini, so mudah untuk kita...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Where do you get the facts? Itu yang kita hendak tahu. Yang you kata empat kali itu, di mana you dapat? Where do you get the facts? The facts itu yang empat kali itu...*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Yang itu daripada Lynas, satu laporan.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Lynas ya lah dia ada interest. Lynas dia ada interest. *I mean you do not listen to the third party...*

**Puan Hajah Nancy Shukri:** *[Menyampuk]*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Independent source? You kata ada four, is four times?*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Kita boleh buat comparison. *I think that the investment kalau you tengok dalam laman web MIDA pun..., sendiri boleh tengok all the costing about the tanah, air, electricity...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *I am not interested with that. Where do you get the four times.*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Okey yang four times itu tadi is from dalam Lynas punya report on the..., why they buat building dekat sini...

■1220

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *That is what Lynas said, any independence source?*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** *Independence source, saya tidak ada lagi independence source yang itu tetapi saya hendak beritahu laporan tentang lain-lain tadi termasuk yang 35 projek itu for us to make sure that because kalau tidak benda ini akan berterusan tanpa orang memahami tentang ini.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tidak apa. Sebab 35 projek itu, walaupun kita kata ada 13 countries then the next question is, some must saying that they doing it isolated, not 24 kilometers from..., it is not easy to convince by just using your point.



Ada yang katakan buat di tengah padang pasir, ada kata buat tengah hutan, *so it is not as easy as you think by just quoting that figures...* Sorry Yang Berhormat, kalau saya boleh habiskan dahulu satu *point* ya.

Saya hendak tanya sedikit. Tadi kalau Lynas buat kilang di Malaysia, *they are allowed to export then what will be left because I have been saying about..., you know peripheral industry* nanti datang, apa semua itu. Ada tidak perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan Lynas bahawa kalau mereka *produce this product*, ada nanti digunakan untuk domestik? Ada kuota untuk domestik supaya nanti syarikat-syarikat yang lain itu, katalah syarikat yang besar-besar datang dan *employment will come in* sebab kalau *you* tengok Lynas sahaja, *the employment numbers is not that good, in terms of employment...* *If do not have that agreement*, hendak kata tinggalkan sedikit *for domestic consumption, then we might not be advantagelah*.

**Puan Hajah Nancy Shukri:** *Okay, thank you Tuan Pengerusi. Now, the arguments have been given very good, they all very supporting tetapi it is very advance. I would like to go back to Lynas ini whether they have ever tried Australia itself? Because this is the history, if they ever try to do it in Australia, at least there is a record to show that they have tried and then these are the reasons given by the government in Australia for discouraging them to operate in Australia and that is the reason why they go to other countries. We agree with that, actually macam yang Dato' cakap tadi because you have been in this line and you know the reasons why. Of course in terms of costing it is much cheaper in Malaysia, you know.*

*The rest of all arguments, memang we can accept it but why they are not doing it in Australia? They may have tried in Australia but these are the reasons given by the government and then they see the economic feasibility of the project itself. If they do it in Australia, "Oh! The cost is very high." They must have some evidence to show that it is not feasible to do it in Australia, is better to do it in Malaysia not in China because of certain reason. What you have given, all those that have been given, there have a very good reasons but they are too advanced. We must show that it is not feasible for them to do in Australia and they have tried it.*

**Tuan Pengerusi:** *I think to be fair, we should address this question to Lynas. Secondly, they didn't do it in Australia if Australia rejects it because of the radioactivity but if it is because of commercial consideration doesn't matter to us. Okey, yang itu adakah – sebab pembangkang kata Australia rejected dan Australia reject kerana of the radioactive content. Adakah itu satu fakta ataupun hanya ini orang politik yang spin? Jadi, yang ini yang kita perlu dapatkan maklumat. So, it is nothing to do with radioactive. It's just because of commercial consideration, we just accept its okay. That is where we have to tell the public yang dia ini kena tipu oleh pembangkang, yang Australian Government, ia tidak buat di Australia bukan kerana atau because of the radioactive...*

**Seorang Ahli:** Itu yang penting.

**Tuan Liang Teck Meng:** Tuan Pengerusi, *we have 35 project in the world and in 13 countries but yet still China supplying 97%. So, are we saying that this 35 projects in the world remain all in the 13 countries is very, very small and then now Lynas, we can supply how many percent? That means how much that we can take out from China, the 97%, all of them?*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Boleh saya jawab yang itu? *I think kalau Lynas punya syer is about 30% of the world market. About 20% to 30% for Lynas.* Kalau Lynas beroperasi...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *So, they will take 30%?*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** *20% to 30%. Okey, kenapa 97% dekat China? Historically, masa kami pergi China Southern Rare Earth di Beijing, and we discussed with them. Ini pun banyak dalam laporan juga. You can see that mengapa China boleh menguasainya – pertama, is the raw material. Sebanyak 47% of the raw material ataupun 40% raw material berada dalam negeri China. Sebanyak 40% ya. Kedua, expertise yang dibangunkan sebenarnya China in this memang merupakan negara yang banyak – kata orang the expertise itu terlalu ramai.*

Tempat yang kami pergi itu sendiri ialah *rare earth* atau kita katakan *engineer centre*, itu satu. Ia ada lagi *non-ferrous metal centre*. Di situ sahaja beribu dia punya saintis. Profesor dia ada beberapa puluh orang di situ ya, kalau kita tengok dia punya *expertise*. Oleh sebab itu, banyak negara bila dia hendak buat projek *rare earth* ini mereka tidak berjaya sebab *the manpower*. *In fact* Lynas sekarang ini beroperasi pun, dia ambil empat orang jurutera dan saintis yang sepatutnya mereka buat kilang itu di China sekarang mereka bawa di Lynas, Gebeng. Empat orang. *The expert is there right now ya.*

Oleh sebab itu, kebanyakan negara mengapa mereka tidak berjaya buat ini ialah sebab *the manpower* tadi sebab *those* yang *really* – kata orang *the manpower* yang untuk membangunkan *rare earth* ini. Oleh sebab itulah, *one of the proposal* yang dibuat oleh Akademi Sains Malaysia baru-baru ini ialah untuk Malaysia membangunkan nadir bumi dan juga dengan membangunkan *the expertise* supaya kita boleh *at least to have expertise* supaya dalam *rare earth* ini boleh kita kuasai.

Satu lagi kalau kita lihat *on the rare earth expertise* ini, kita akan lihat kalau di China itu dengan PhD dia, berpuluh tahun sudah sebab itu kalau kita tengok ada seorang yang dikenali "*father of rare earth*", Profesor Xu ini, dialah yang telah menghidupkan *rare earth* ini *and it was in 1986* Kerajaan Negeri China dalam program dikenali 863 macam kita punya lima tahun Malaysia, macam mana hendak melonjakkan negeri China... *[Disampuk]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tidak apa. Saya hendak tanya sedikit *because that one is going too far already* Tuan Pengerusi. Kata tadi 97% *the China* kan? Sebanyak 3% *outside of China*. *May I know whether they have problem in the 3%* ini dari segi keselamatan, bantahan? *Maybe I don't know who have the competencies to do this...*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Saya rasa mungkin MIDA boleh jawab. *I think* dalam WTO...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekejap, sekejap. Saya belum habis lagi, minta maaf ya. Saya hendak tahu sama ada tentangan ada tidak dari segi *local population* di kawasan-kawasan 3% ini, di negara-negara yang disebut tadi? *What is the* – apa yang berlaku di dalam 3% ini? *How did they response? Did they build it in the middle of nowhere* atau macam mana? *Can somebody brief us?*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Boleh saya?

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *So far any problem* di China?

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** China – masalah China. *Okay, one of the reasons...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *...Then we go to that...*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Okey, *one of the problem* yang kita tahu yang laporan *rare earth* ini yang di Molycorp di US. *Molycorp is one of the biggest* kita kata tempat *rare earth* yang dia akan lombong dan ia akan proses. Molycorp ditutup pada tahun 80-an disebabkan *some of the environmental issues*, mereka tidak dapat kelulusan daripada DOE di US.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Apa nama dia itu?

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Molycorp.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Molycorp?

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Molycorp ya dan sekarang Molycorp telah mendapatkan apa yang dikatakan teknologi yang boleh membantu mereka punya *waste will be zero because of their allocation and technology*. Oleh sebab itu kalau kita bandingkan *figure of the cost, the cost to produce one pound of product* kalau Molycorp sudah berjaya *reduced it to USD1.25*. China USD2.50. Tidak, ini saya contoh sahaja. So, Molycorp itulah yang kita kata...

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *No, we want to know...*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Yang lain itu *very small*. Kalau macam di India, ada kilang di India dan ada satu lagi saya tidak ingat dekat mana...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *But, is there any experience of radioactive problem as far as this, the other country?*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Daripada yang ada sekarang ini *because* yang paling banyak ini di China.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Ada?

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Ada China punya laporan.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Radioactive problem?*

**Prof. Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz:** Di Baotao itu *because of their river been – so,* itu mungkin kena inilah...

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *If I may,* yang Molycorp itu pun *it's not a radioactive problem, it is environmental problem.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Environmental and health problem?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Yes.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *...Environmental and has problem or only environmental problem?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Molycorp is in California. California is one state yang dia set in 2020 no more fossil fuel. It is a very unique state in United State. Ia punya environmental standard are very high, so...*

**Seorang Ahli:** *By when?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *By 2020. There will be no fossil fuel vehicle anymore. So, dia punya environmental standard semua tinggi. If I may Tuan Pengerusi, I just wanted to jawab Yang Berhormat punya – when Terengganu rejected Lynas, it is not because they reject this kind of factory.*

#### ■1230

*We also licensed tioxide in Teluk Kalong which is very similar to Lynas. So, to say that they rejected this because it produces thorium and uranium, it is wrong. They rejected because it is Lynas, not because it produces uranium and thorium. Because, it is Lynas. I just wanted to underline that fact.*

**Tuan Pengerusi:** *Because kita rasa perlu dan relevan, kita boleh panggil wakil Terengganu untuk dapat jawapan. Rather then we all try to make a guess. Nanti kita fikirkan. Okey, ada lagi soalan pada...*

**Dato' Azman Mahmud:** Tuan Pengerusi, *just* menjawab soalan Yang Berhormat Kota Belud, mengenai *export*. Polisi *manufacturing* sekarang ini kita tidak ada *restriction* sama ada syarikat perlu eksport 100% ataupun jual kepada *local market*. Jadi, isu untuk hendak *reserve* kuota itu tidak ada. *So, that is a very transparent policy that is very favorable to many companies.* Dalam keadaan Lynas ini kalau *you compare* dengan China, China akan *impose export quota*, Malaysia tidak *impose export quota*. Maknanya, ia ada *freedom of selling to anybody, in* Malaysia...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Lynas ini *100% own by Australia.., 100%?*

**Dato' Azman Mahmud:** *100% owned by foreign investor including national.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Ada local activity?*

**Dato' Azman Mahmud:** *Local* tidak ada.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** 100% ya?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Jadi, kalau macam itulah keadaannya, *I mean I understand. I appreciate the fact that* kita tidak letak kuota. Akan tetapi hendak gunakan *point* yang mengatakan, okey dengan adanya Lynas di Malaysia ini dengan *this product*, selepas itu kita akan ada *peripheral industries* ini *then that will not whole water*lah dari segi..., kecuailah mungkin kita boleh beritahu kalau syarikat yang hendak buat *flat TV*, okey *because* dekat Gebeng ada, saya buat di sana. *On my own initiative*, saya hendak pergi ke Malaysia. Akan tetapi dari segi strategi kita, sebenarnya tidak begitu kuatlah sebab dia orang boleh eksport semua keluar. *I know we are jumping everywhere, but then we talk about the incentive* ini, *tax holidays* ini. Kita bagi 8 tahun, 12 tahunkah..., 8 tahun?

**Dato' Azman Mahmud:** 12 tahun.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** 12 tahun, *when this particular company can make money on day one, they hit the grant running, why are we so nice* memberi insentif-insentif ini sedangkan kita tidak boleh pastikan setelah produk ini *diproducekan*, kita pun tidak boleh buat di sini, syarikat lain pun tidak boleh datang ke Malaysia untuk membelinya di Malaysia. *That is a very interesting point. Why are you so nice?*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Saya hendak tambah sedikit Tuan Pengerusi. Kalau 100% *owned by* Australia, 100% dia boleh eksport, kita untung di mana itu, di mana yang untungnya? *Tax free* lagi. 12 tahun pula itu. Di mana yang kita kata kita untung itu - *valid question* tidak Yang Berhormat Tebrau?...

**Tuan Teng Boon Soon:** ...Dia kata boleh *increase GDP Malaysia*.

**Dato' Zulkifli Noordin:** *Transfer of technology* pun tidak ada.

**Tuan Teng Boon Soon:** Bagaimana dia boleh tambahkan GDP?

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Dia hendak tulis KPI kita ada apa. *I don't see the rational*.

**Dato' Azman Mahmud:** Tuan Pengerusi, untuk hendak tambah jawapan saya kepada Yang Berhormat daripada Kota Belud, dalam kita *develop industry* di Malaysia, *when we have manufacturer who produced material that can produce many things, that will be our advantage to invite future manufactures and users of that material to come to Malaysia. So, that is the next step that we are going to take*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Do you have anymore or anyone interested now?*

**Dato' Azman Mahmud:** Yes.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *So, we can say the whole countries look...*

**Dato' Azman Mahmud:** Oh, yang itu kita tidak boleh hendak umumkan, *because sensitif* terhadap...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Azman Mahmud:** Kita boleh cadangkan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** ...*Propose of this* pendengaran.

**Dato' Azman Mahmud:** Kita boleh *mention* yang contohnya macam *lithium battery* dan juga kalau Yang Berhormat dengar masa Lynas tengah panas mula-mula dahulunya, syarikat Siemens hendak buat – dia *announce* sendiri, boleh dibangkitkan semula. Dia *announced that* dia hendak *joint venture* dengan Lynas hendak buat *super magnets*. *Super magnets* ini material yang *diproduce* oleh Lynas ini masuk dalam *super magnets* dan digunakan untuk *windmill which is used for renewable energy*.

**Tuan Pengerusi:** Isu yang dibawa oleh pembangkang ialah kilang ini tidak memberi apa-apa faedah kepada negara. So, berasaskan kepada itu, *because there is no export restriction*. *We would not be able to assure other companies coming to Malaysia to invest using the product of Lynas*. Apatah lagi kita bagi *tax holidays*. So, kita mungkin boleh buat *recommendation* untuk MITI kaji balik supaya *some how or rather*, dengan adanya Lynas di Malaysia, kita boleh galakkan kilang-kilang lain yang akan menggunakan itu supaya buka di Malaysia. *Then* barulah nampak ada *benefit, job creation* dan sebagainya, peluang-peluang, *opportunity*. *Will MIDA and MITI consider?* Kalau tidak, *there is nothing*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Pengerusi, *just to add your point* untuk MIDA. Peluang pekerjaan untuk projek ini hanya 400 orang pekerja tetap dan kemudian 200 pekerja kontrak. *Just for the purpose of the comparison, a five star hotel would produce this kind of employment. If we are talking about employment sahaja, we have to go through all these nonsense for the 400 jobs or 600 jobs. When you can have a five star hotel anywhere and you can have that number of people. Of course* dari segi teknologi, dari segi penggunaan...

**Dato' Azman Mahmud:** Sebenarnya *the advantage of any investment is far reaching from the employment created by the company alone*. Kalau Yang Berhormat dapat lihat *slide* yang akhir sekali itu. *Spin off* kepada industri tempatan, *just* kita ambil tiga *chemical* sahaja. Kilang baru *sulphuric acid*, pelaburan RM200 juta. *Expansion of hydrochloride acid company in Kemaman, existing investors will benefit RM100 million. Facilities* tambahan, pembekal *hydrated lime* RM5 juta. Ini baru dari segi kilang.

*What about* dari segi *flow of visitors, flow of customers that goes to Kuantan. That will use the transportation, they will use the hotel, the food and beverages, so it is far reaching* sampai ke *even* ke makanan, hotel, logistik, *transportation* dan sebagainya. Akan tetapi kita tidak nampaklah, kita tidak boleh hendak *quantify because that is the future*.

**Tuan Liang Teck Meng:** *How much is the tax exemption over the period of 12 years in terms of ringgit, how much?*

**Dato' Azman Mahmud:** Dari segi...

**Tuan Liang Teck Meng:** Kalau kita hendak *tax* 12 tahun, jumlahnya berapa sepatutnya kita hendak kutip?

**Dato' Azman Mahmud:** Kita akan bagi pada Yang Berhormat. Semasa dia *propose the project, the price of material is not very high. Now is very high because everybody wants this material.* Sebab itu *you* tengok *rare earth material* yang *diproduce* untuk..., *the end product.* So, mengenai soalan mengapa kita bagi insentif, Malaysia tidak ada material ini. *This is a strategic industry.* Sebab itu kita bagi insentif. Dalam *approach* kita hendak *develop this industry* di Malaysia, kita *go by ecosystem approach.* Bila kita sebut *ecosystem approach,* kita tengok dekat mana ada *gap* untuk menjana aktiviti ekonomi. Kalau kita *identify* syarikat atau produk itu sebagai strategik, kita akan bagi insentif untuk masa depan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekejap Dato'. Saya faham konsep bagi insentif ini. Kita faham kalau ada lompong itu, industri itu yang kita hendak bajakan dan kita bagi insentif. *But, here we have this problem of trying to convince the people. Number one, this particular plant, this business is hitting the grant running. On the very first day, the first year, they expect to make money.*

*You give 12 years tax exemption. They don't pay a single tax I presume. And that will not go back to our core, first. It seems to me that you are just overly nice on something that is so controversial to Malaysia.* Ini lagi satu *angle* yang pembangkang asyik bercakap dengan kita ini. *Why are we so nice? I mean, if let say,* katalah mereka tidak boleh buat keuntungan dalam lima tahun yang pertama, itu kita faham dan kita bagi *tax holiday* kepada mereka, okey. *Then we will tax you once you start making money.*

#### ■1240

Akan tetapi kita sudah diberikan penerangan hari itu bahawa *even the first year Lynas will be making money at least operationally and we are giving twelve years. I can understand five years, maybe six or three or eight but twelve years, we a bit stretching and then* kedua *spin off* kepada industri tempatan. *Most of the things you are mentioned a chemical related is nothing about green technology here. You talk about kilang baru sulfuric acid, expansion hydrochloric acid di Kemaman you know, where is the green technology spin off which you are been saying that nadir bumi ini is for..., I mean, I just asking question.*

**Dato' Azman Mahmud:** Kalau tengok dari segi *application* yang dimaksudkan *green technology* macam saya sebut tadi *the super magnet* untuk *win...*

**Dato Abd. Rahman Dahlan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Azman Mahmud:** *That is still on the table but low profile because issue of being discuss you know very hot topic. Then the other one is also on hybrid vehicle, electric vehicle, is on the page 23. I think dalam slide AELB tadi pun ada.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Pemindahan teknologi ini *is it real?* Faedah ekonomi, pemindahan teknologi ada *technology transfer?*

**Dato' Azman Mahmud:** Dari segi..

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *[Menyampuk]*

**Dato' Azman Mahmud:** *...Processing technology, yes, because our engineer will be expose how to produce this material. There will be..., in fact you know the chief of Lynas Malaysia is a Malaysian, so they are employing local engineers..., of course they need expert from China for the time being. But later on, like any other foreign investors in Malaysia, they will slowly allow on Malaysia engineers to run and operate the plant.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Are you aware that they making money on the first year or if you are not aware then we may ask Lynas sajalah, sorry I don't know, there is anybody know when are they making money?*

**Dato' Azman Mahmud:** *That has been said but when they first proposed to MIDA number of years ago that was not the case.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Azman Mahmud:** *I don't have the information with me but we can share with you.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *It is because that is very important for us to understand, I mean that will be very good if you can give us the information, katalah dalam application Lynas untuk meminta tax holiday ini, dia beritahu, dia hanya akan untung pada tahun yang ketujuhkah, yang kelapankah, that make lots of sense. Sekarang ini pembangkang dan anti-Lynas ini mengatakan bahawa they are making money in the first year. So we need to rebound that is not true.*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Anyway I just hendak tanya sedikit lagi sebelum Yang Berhormat Dato' Raja Abd Aziz hendak bercakap. Yang you punya 12 tahun insentif ini, is it tailor-made to them or it is in the book?*

**Dato' Azman Mahmud:** *It is tailor-made.*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Azman Mahmud:** *Asasnya, ia satu industri strategik; nombor dua, the spin off that the project will generate; and also this is the new technology Malaysia on rare earth..*



**Tuan Liang Teck Meng:** *I'm sorry I am just trying to find some logic. Okay, see kita kata pemindahan teknologi, so are we saying that we are trying to cultivate our own Malaysian engineers and few years time later, kita Malaysia sanggup membina satu kilang seperti Lynas di Malaysia dengan teknologi sendiri dan kita tidak hendak lagi mengimport rare earth daripada Australia dan proses dengan company our own syarikat ini and to supply another 20% in the market..., is it the approach?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Sir the question, in slide 20 Tuan Pengerusi ada if you look at the Minutes sebenarnya, slide 20... [Merujuk paparan slide] On MIDA, there is one more which is not very quite clear here but it is clear in the Minit Mesyuarat. When we look at semasa kita advice MIDA, we told them it is very similar to ARE and there will be a problem about waste. Nevertheless we know waste is very small and then MIDA agree to masukkan kita punya syarat which is 0.51% to be spent on R&D, 1% on their gross income. At that time we calculate about USD1 billion income, so is about 100...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Revenue, profit?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *No, income.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Revenuelah?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Revenue, 1% so is about USD1 million and 0.5% is to be given thru the regulatory authority to make sure the pengurusan, the management of waste is proper, so that we that it is spend about USD50 million. Now in terms of technology transfer and building R&D capacity in waste management, this is very important for Malaysia, we have a lot of team plus I think Professor Dr. Badrulhisham will agree with me, Malaysia also has a lot of rare earth. The only problem with our rare earth is two much thorium and too much uranium.*

*If we have this R&D build up capacity dan sebagainya, then we will be able to take our own rare earth and to manage, uruskan. So we are talking of kalau on the day one or year one dia sudah earn, we get already katalah sudah earn 1bilion, we get USD50 million...*

**Tuan Pengerusi:** *To impose that syarat?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Yes, it is in fact.*

**Tuan Pengerusi:** *Did impose?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *Yang itu patut kena beritahu the R&D...*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *So that one is very important for us for Malaysia, we being at team telling country, ion oxide country we are now selling our amang to China for them to take our rare earth sebenarnya, they buy our amang, take our rare earth, sebenarnya they are taking all rare earth from all over the world, so yang itu.*

**Tuan Pengerusi:** *One percent is USD100 million...*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** USD100 million on R&D, tetapi 50% of that one percent is waste management and radioactive...

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** That one boleh buat on process development dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** But that one, if you look at ini – it is actually kita katakan di sini, syarikat hendaklah membelanjakan sekurang-kurangnya 0.5% daripada jumlah jualan kasar tahunan untuk aktiviti R&D, sekurang-kurangnya 0.5% juga untuk pengurusan dan buangan sisa radioaktif. So we are going to develop R&D in managing radioactive waste...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Yes early, this is very important fact.

**Tuan Pengerusi:** All that the amount the university get from foreign or any R&D...

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** I just wanted to point out to you yang ...

**Tuan Pengerusi:** We must be able to articulate the real benefit to the country because we are in the process trying to engage the public. The public we got to bring them over.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** ...I want to that clarification, Dato' Abd Aziz mentioned about the kita ada banyak rare earth with higher thorium and the uranium...

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** That is why the ARE was establish here.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Jadi

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** ARE.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Which area?

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** In Perak, in Selangor...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Kawasan yang bijih inikah?

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** Bijih in Johor, in Pahang, in Terengganu...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** [Menyampuk]

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** ...In Kelantan.

**Tuan Pengerusi:** So we must have the technology, we must ...

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** How to manage the waste.

**Tuan Pengerusi:** ...Human capital, you must have R&D.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Is how to manage ...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** It is not the raw material, it is about waste.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** And to extract it.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Hendak tanya sedikit ya...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Come something with Lynas.*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *ARE was developed in Perak because they wanted to extract the rare earth and then recently pun Tuan Pengerusi, company in Taiwan came to Perak to do MoU then they stop it, same reason.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Same issue?*

**YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan:** *Same issue.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Hendak tanya sedikit tentang MIDA ini, I remember waktu dekat London dahulu, saya participate dengan Yang Berhormat Puan Hajah Nancy Shukri pun ada, when we attended the meeting with industries di UK, mereka ini meminta macam-macam but there was a process negotiate even the Prime Minister say dia hendak meminta subsidi gaslah, subsidi itulah, macam-macam then Deputy Prime Minister mentioned dia kata, "Rupanya penyakit subsidi ini sudah sampai ke UK".*

■1250

*But, let me ask you a question, waktu MIDA berunding dengan Lynas, negotiation is about your skill of negotiating, it seem to me, I mean to the public that you have thrown everything to the table, on the table to just to get this particular strategic industry to set foot in Malaysia. Ada tidak berlaku perundingan, maknanya mula-mula you tawarkan begini, dia minta begitu, lepas itu at the end, you sampai ke tengah. It looks like your deal ini terlalu general like, you terlalu terdesak.*

**Dato' Azman Mahmud:** *Sebenarnya dia minta 15, kita negotiate ke 12. We don't throw incentive Yang Berhormat.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Is it true they are making money in year one?*

**Dato' Azman Mahmud:** *At the time when they propose, I don't think they make money in the first year.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Akan tetapi ada tak pegawai-pegawai MIDA yang tahu, information, bila mereka start buat duit?*

**Dato' Azman Mahmud:** *Original proposal, kita akan bagi kemudianlah, this is an original proposal. But the incentive is another tool to attract investment, you can well appreciate other countries, maybe also interested to attract investment in their areas. Although they have portray their good investment location, incentive is another tool to attract but not the important one, maybe number five or number six. We seldom use incentive to attract investment only when the companies propose to us to apply for incentive.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *I understood, kes dia agak berbeza sikit sebab you have way in the security, safety and health.*

Saya nak tanya satu lagi, *matching grant* ini, *matching training grant*, *one-to-one*, tidak melebihi RM1.2 juta, *why you need to do this? I mean after all, you have 1 percent, USD105* yang untuk R&D dan sebagainya, kenapa perlu kerajaan keluarkan lagi duit untuk melatih pekerja ini?

**Dato' Azman Mahmud:** Dalam *processing of this material*, Malaysia tidak ada *skill*, ada *gap*lah. Maknanya *we have the engineers, but we don't have a direct experience yang all the engineers trained in processing rear earth. So that is the reason. There is a gap in terms of skills that the company needs to train, training local to acquire the skill to the level that they require. So that is the reason.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Last question on this faedah ekonomi ini, you kata meningkatkan peningkatan pertukaran mata wang asing negara dengan pelaburan sebanyak RM2.3 bilion. RM2.3 bilion itu adalah jumlah yang dibelanjakan oleh Lynas untuk membina plant. Just to give you perspective Dato' Azman, you know RM2.3 billion is investment but we are buying just on foot a loan is RM22 billion overseas a year, our loan is about RM22 billion. Though the figure RM2.3 billion is big, but in all the bigger perspective of this country is small. On foot bill sahaja kita RM22, RM23 bilion. So, RM2.3 billion one-off, I really hope that you MIDA tidak gunakan yang ini sebagai asas untuk memberi lesen atau membenarkan pelaburan, sebab this is one-off, RM2.3 billion, you dah dapat buat kilang, next year tidak ada buat kilang dah. Just to give you some perspective Dato' Azman. Terima kasih.*

**Tuan Pengerusi:** Ada sesiapa hendak bertanya lagi..., *anymore question? Any other input?* Kalau tidak ada, saya ucapkan...

**Dato' Azman Mahmud:** Tuan Pengerusi, *just quick response again. Maybe retreating the point raised by Dato' Majid just now. YB Nancy ada mention there is a trial in Australia. Yes they have plot and they were approved in 2004, the document we have it, the Minister of Environment, surat tu kita akan bagi.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *So, why didn't they proceed?*

**Dato' Azman Mahmud:** *For economic reason.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *That the reason?*

**Dato' Azman Mahmud:** *That is what they give us.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** So, terima kasih kepada MITI and MIDA, *I think kalau nak panggil pun, kita tinggal lima minit before we adjourn for lunch, lunch disediakan semua dijemput. Untuk Members kita ada photography session. Then we will start again next 2.30 pm, 2.15 petang. Kita tinggal lagi empat kementerian, tapi saya percaya semua ini pendek-pendek sahaja, melainkan mungkin environment sahaja. So we will adjourn.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** MIDA nanti akan ikut untuk pendengaran awam nanti?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Semua akan ikut.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *That very important for you to be in Kuantan.*

**Tuan Pengerusi:** Okay, kita sambung...

**Dato' Azman Mahmud:** Dokumen ini untuk *all the Jawatankuasa information, but not to be shared with outside people.* Kalau nak *share*, kita kena *go through the process.* Kita akan ambil balik selepas ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *You akan ambil balik, I don't want to responsible. Better you take it back.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Kita boleh simpan di sini untuk baca.

**Tuan Pengerusi:** Urus Setia simpanlah.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Kita ada kes-kes yang...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Faham, faham. *In that case* kita letak di pejabat Datuk Roosme.

**Mesyuarat ditempokkan pada pukul 12.57 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.14 petang.**

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kerana kita masih berada bersama untuk meneruskan Mesyuarat kita. Sekarang tiba giliran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. *This is more on environment*, Puan Halimah Hassan, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

*[Wakil-wakil dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar]*

**2.16 ptg.**

**Puan Halimah Hassan [Ketua Pengarah Alam Sekitar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Dato'-Dato', Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas, tuan-tuan dan puan-puan. Saya Puan Halimah Hassan, Ketua Pengarah Alam Sekitar daripada Jabatan Alam Sekitar; bersama-sama saya pegawai-pegawai kanan, Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim dan juga Pengarah JAS Pahang dan juga Puan Norlin binti Jaafar iaitu Pengarah Bahagian Penilaian. Tuan Pengerusi, saya akan beri sedikit taklimat mengenai penglibatan Jabatan Alam Sekitar dalam isu kilang Lynas ini. Kandungan taklimat adalah mengenai Akta Kualiti Alam Sekeliling sendiri, kronologi permohonan LAMP ini, *plant* Lynas ini dan yang berkaitan dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling. Penguatkuasaan dan pemantauan oleh jabatan dan ada isu-isu berbangkit. Ada empat isu yang kami akan bangkitkan di sini.

Saya juga akan memberi sedikit penerangan mengenai kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA). Ini sebagai latar belakang saya tidak perlu pergi ya – *we have* di sini visi dan misi. Visi perkhidmatan pelanggan jabatan, saya tidak perlu pergi *in detail*.

Saya pergi *straight* kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini dikuatkuasakan dalam bulan April tahun 1975. Ia adalah akta untuk mencegah, menghapus dan mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling. Di bawah akta ini terdapat 19 peraturan, 14 perintah dan 2 kaedah.

Apa yang hendak saya maklumkan di sini, pada tahun 1996 akta ini telah dipinda. Akta ini telah dipinda di mana tafsiran 'pencemar' dan juga tafsiran 'pencemaran' telah dikeluarkan perkataan 'radioaktif'. Bermakna buat masa ini, Akta Kualiti Alam Sekeliling dan juga bidang kuasa serta bidang tugas Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan akta ini tidak termasuk langsung hal-hal isu radioaktif. Ini kerana apabila tahun 1996 ini takrifan 'radioaktif' ini dikeluarkan dan radioaktiviti terus di bawah bidang kuasa Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB).

Jadi semua isu kepakaran, standard-standard di bawah peraturan-peraturan tidak merangkumi standard-standard selain radioaktif. Di sini adalah takrifan alam sekeliling dan juga takrifan pencemaran. Takrifan pencemaran di sini juga telah dikeluarkan radioaktif, bermaknanya apa-apa pencemaran yang tertakluk di bawah akta ini adalah apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, kimia atau biologi pada mana-mana alam sekeliling. Di situlah perkataan skop radioaktif telah dikeluarkan. Jadi, di sini kuasa jabatan adalah tertakluk kepada definisi atau takrifan alam sekeliling dan juga pencemaran.

Saya akan terus kepada pembinaan kilang Lynas ini yang berkaitan dengan Akta Kualiti dan apakah bidang kuasa JAS. Pembinaan kilang LAMP ini adalah tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling. Bermaknanya kita panggil kilang ini adalah tertakluk kepada aktiviti yang ditetapkan dan disenaraikan sebagai aktiviti yang perlu menjalankan kajian EIA dan perlu mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar. Jadi, aktiviti yang ditetapkan di sini adalah aktiviti yang kita senaraikan sebagai kilang kimia dengan kapasiti penghasilan melebihi 100 tan sehari. Sekiranya aktiviti mana-mana kilang ataupun aktiviti yang tertakluk di bawah senarai perintah ini memerlukan kajian EIA untuk kelulusan Jabatan Alam Sekitar.

Jadi, kilang Lynas sini adalah kilang kimia dengan kapasiti melebihi 100 tan sehari dan tertakluk secara legalnya memerlukan kelulusan laporan EIA. Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling adalah mengenai keperluan laporan EIA.

#### ■1420

Di sini, sekiranya tertakluk, pemaju hendaklah mengemukakan Laporan EIA untuk kelulusan Ketua Pengarah sebelum mendapat kelulusan projek daripada pihak berkuasa. Pemaju hendaklah juga memberi bukti yang cukup bahawa syarat-syarat kelulusan dipatuhi dan langkah-langkah kawalan diambil.

Mengikut undang-undang, pemaju hendaklah memberi laporan-laporan pematuhan kepada jabatan. Selepas Laporan EIA diluluskan, Pelan Pengurusan Alam Sekitar ataupun kita panggil EMP (*Environmental Management Plan*) adalah salah satu daripada syarat kelulusan EIA. EMP ini hendaklah disediakan setelah mendapat kelulusan yang menggariskan semua tindakan yang diambil bagi mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA. Di sinilah satu dokumen atau pelan yang menunjukkan apa yang *what, how, where* dan *why* di mana secara pelan tindakan yang dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk diluluskan. EMP ini ataupun *Environmental Management Plan is a living document* dan perlu dikaji dan diubahsuai dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Okey, di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Efluen Perindustrian pula tahun 2009, kawalan terhadap pelepasan efluen ataupun air buangan dari proses kilang termasuk kilang Lynas ini perlu diolah terlebih dahulu bagi mematuhi standard yang ditetapkan. Di sini adalah standard B, sebelum dibenarkan untuk dilepaskan ke alur air iaitu bagi kes ini adalah ke Sungai Balok. Mengikut peraturan ini juga, pemberitahuan bertulis untuk pemasangan sistem pengolahan efluen hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar. Ini pun telah pun dilaksanakan.

Selain daripada peraturan untuk efluen perindustrian adalah peraturan untuk kumbahan. Kumbahan juga, kawalan terhadap pelepasan air kumbahan ataupun *sewage*, perlu diolah di sini bagi mematuhi standard 'A' sebelum dilepaskan. Jadi, semua standard-standard ini adalah mengikut peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling. Begitu juga dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih, kawalan-kawalan pelepasan pencemar ke udara dari cerobong juga perlu melalui alat kawalan pencemaran dan juga perlu mematuhi standard-standard yang telah ditetapkan di bawah peraturan.

Di sini, kelulusan bertulis juga bagi pemasangan peralatan kilang dan alat kawalan pencemar udara perlu diperoleh sebelum dipasang dan juga telah pun mendapat kelulusan jabatan. Saya di sini menggariskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pihak kilang. Bahagian (f) nya ialah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Buangan Terjadual iaitu buangan-buangan yang kita panggil *schedule waste*, secara *laymannya* adalah *toxic waste* ya, *schedule waste* dan perlu mengikut peraturan ini. Kawalan terhadap pengurusan dan pengendalian buangan terjadual dan di sini juga kesemua peraturan-peraturan dan standard-standard yang telah ditetapkan dalam peraturan ini tidak termasuk standard terhadap bahan radioaktif.

Seterusnya Yang Berhormat, saya ingin pergi kepada kronologi permohonan kilang Lynas ini yang berkaitan dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling.

Pertamanya, Laporan EIA termasuk *Quantitative Risks Assessment* yang disediakan oleh jururunding *Environ Consulting Services* telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang untuk kelulusan pada 21 Januari tahun 2008 dan mesyuarat *one-stop agency* bagi menilai Laporan EIA termasuk *Quantitative Risks Assessment* ini diadakan pada 29 Januari di Jabatan Alam Sekitar negeri Pahang. Maklumat tambahan telah dikemukakan semasa memproses laporan tersebut pada 4 Februari dan Laporan EIA bersama QRA telah diluluskan pada 15 Februari 2008.

